

07 AUG 1998

PM LAWAT KELANTAN PADA 22 OGOS DEPAN

KOTA BAHARU, 7 Ogos (Bernama) -- Kira-kira 20,000 rakyat di negeri ini akan berkumpul di Sekolah Kebangsaan Chengal, Kadok kira-kira 19 km dari sini, bagi menyambut kedatangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Ogos ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata Perdana Menteri yang dalam lawatan kerja sehari ke negeri ini akan ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dalam majlis "Wacana Cinta Negara", Perdana Menteri akan memberi ucapan dan penerangan mengenai masalah yang dihadapi negara termasuk kemelut ekonomi, hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura serta isu-isu semasa yang berbangkit, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat ketua-ketua jabatan di Sekolah Kebangsaan Chengal, Kadok, hari ini.

Annuar berkata, Dr Mahathir juga akan melancarkan empat program iaitu pondok pos komuniti, jambatan Tok Ayah Ali, telaga tiub dan Gerakan Desa Wawasan (GDS) fasa ketiga, di Kampung Chengal, Kadok.

Pada petangnya, Perdana Menteri akan menghadiri taklimat khas mengenai ternakan ikan hiasan dan penanaman orkid untuk dieksport di bawah program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di Kuala Krai, kira-kira 75 kilometer dari sini.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah yang mengadakan program berasingan akan merasmikan Projek 1001 Gelanggang (badminton) di Sekolah Kebangsaan Ketereh di Ketereh.

Pada pukul 3 petang, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin Umno negeri di Dewan Umno negeri, sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada kira-kira pukul 5 petang.

-- BERNAMA

ANM PR